

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PENYERAHAN KOTAK KITAR SEMULA KEPADA  
SEKOLAH HIJAU  
23 SEPTEMBER 2016 (JUMAAT), 3.00 PM  
AUDITORIUM, MPSP**

---

**Yang Berusaha Encik Ooi Choon Hong**

Executive Vice President, GS Paper And Packaging Sdn Bhd

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Guru-guru**

**Ketua - ketua Jabatan**

**Rakan - rakan Media**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

.....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada GS Paper And Packaging Sdn Bhd kerana sudi bekerjasama dengan MPSP untuk menaja kotak kitar semula kepada sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau.

Tuan-tuan dan puan-puan,

MPSP sering menerima pertanyaan sama ada dapat memberi tong kitar semula kepada sekolah-sekolah. Namun, oleh kerana peruntukan bajet yang terhad, MPSP meminta pihak swasta untuk menaja tong kitar semula kepada pihak sekolah. GS Paper And Packaging Sdn Bhd telah bersetuju dan berbesar hati memberi sumbangan bagi menjayakan program kitar semula. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini setiap sekolah akan diberikan 2 unit kotak kitar semula untuk diletakkan di dalam setiap kelas, jumlah kotak kitar semula bergantung pada jumlah kelas di setiap sekolah yang terlibat.

Program 4P's ini (Public, Private, People, Partnership) akan berjaya jika ketiga-tiga entiti ini iaitu MPSP, GS Paper And Packaging Sdn Bhd dan murid-murid sekolah menjadi rakan kongsi.

Untuk makluman, pada 29 Ogos 2016 sebanyak 2,740 kotak kitar semula telah diserahkan kepada 37 sekolah hijau di SPS dan pada hari ini

sebanyak 11,735 kotak kitar semula akan diserahkan kepada sekolah hijau SPU dan SPT. Jumlah keseluruhan kotak kitar semula yang diberi ialah 14,475. Kotak kitar semula hendaklah diletakkan di setiap kelas dan bilik guru bagi mengumpul barang kitar semula. MPSP berharap bahawa ini akan membantu untuk meningkatkan kutipan barangan kitar semula sekolah dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar kitar semula negeri Pulau Pinang dan seterusnya boleh menjaga kualiti alam sekitar.

Sejak kebelakangan ini, kita telah mengalami El Nino, La Nina dan Ombak besar serta tinggi melanda pantai kita termasuk di Seberang Perai. Perubahan cuaca dunia yang mendadak adalah akibat kerakusan manusia. Oleh itu saya berharap para hadirin semua dapat bekerjasama dengan MPSP dalam menjaga alam sekitar dengan tidak membuang sampah di merata tempat untuk kurangkan penyakit denggi dan juga Zika. Semuanya bermula dari diri kita. Satu tauladan lebih baik dari 100 nasihat atau taklimat.

Hadirin sekalian,

Bagi tahun 2017, pertandingan kitar semula berasaskan *per capita* berat barang kitar semula akan diadakan. Pertandingan juga termasuk jenis barangan seperti kertas, plastik, tin, alumunium dan kotak minuman.

Hadiah-hadiah akan diumumkan tahun hadapan. Setiap sekolah perlu menghantar rekod jualan barangan kitar semula kepada MPSP, dan pemenang akan ditentukan berdasarkan rekod yang dihantar.

Bagi menjayakan program ini, MPSP akan terus memberi latihan/bengkel kepada sekolah-sekolah. Latihan adalah termasuk ceramah kitar semula selama 1.5 jam dan diikuti bengkel selama 1 jam bagi pengasingan sisa, membuat kompos, cecair jus buah-buahan tertapai dan sabun. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput pihak sekolah yang berminat untuk mengambil bahagian sama ada membuat persembahan kebudayaan atau membuat produk 'up-cycle' pada hari Ahad pertama setiap bulan di Jalan Todak 2, Seberang Jaya sempena pagi bebas kenderaan (car free morning) boleh menghubungi Jabatan Kemasyarakatan untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Langkah yang diambil oleh GS Paper And Packaging Sdn Bhd ini adalah selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang dilaksanakan. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung.

Bermula 1 Jun 2016, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dijalankan. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi kawasan taman perumahan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua kategori iaitu, barang kitar semula dan sisa domestik. Aktiviti promosi, penerangan akan terus dibuat dari masa ke semasa secara terus menerus bagi mewujudkan kesedaran dikalangan penduduk Seberang Perai khususnya dan Pulau Pinang umumnya.

Perlaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca adalah untuk:

1. Meningkatkan kadar kitar semula sehingga 50% menjelang 2020
2. Mengurangkan kos pelupusan sampah
3. Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah
4. Mengurangkan pelepasan gas-gas yang berbahaya hasil daripada penguraian sampah
5. Menggunakan semula barangan sediaada sebagai sumber baru.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah

RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta.

Majlis Perbandaran Seberang Perai bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi di negara ini. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian mengasingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula dan sisa yang tidak boleh dikitar semula.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32% dan kadar kitar semula MPSP adalah 39%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Diharapkan dengan aktiviti kitar semula ini, ianya dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner Greener Penang*". Terima kasih kepada pihak GS Paper And Packaging Sdn Bhd dan pihak sekolah kerana kerjasama erat yang

dijalinkan dengan MPSP dalam meningkatkan kesedaran penduduk Seberang Perai khususnya dan Pulau Pinang umumnya dalam menjaga alam yang dipinjam dari generasi akan datang sebelum dikembalikan kepada mereka.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.